

MPM lulus cuti tanpa rekod -3 NOV 1987 Wardi

Perancangan / Harian
MAJLIS Perbandaran Melaka (MPM) meluluskan cuti tanpa rekod selama 40 hari kepada pesilat tunggal negeri itu, Ahmad Wardi Salim bagi menyertai latihan pusat dan Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur.

Ahmad Wardi, 22, yang bertugas sebagai pegawai penguasa di MPM menganggap kerjasama daripada majikannya menguatkan lagi azam untuk memenangi sebarang pingat sebagai hadiah berharga nanti.

Katanya, jika tiada kerjasama itu tentu sukar untuk menjalani latihan kerana cuti tahunan sudah habis digunakan berikutnya pembabitan dalam kejohanan silat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya memperolehi cuti tanpa rekod 40 hari yang diluluskan oleh Timbalan Yang Dipertua MPM, Dr Mohamad Nong untuk menyertai kejohanan besar itu," jelasnya.

Ahmad Wardi juga tidak mempunyai masalah menjalani latihan selepas Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) memberi kemudahan menggunakan gimnasio di Gelanggang Budaya, Ayer Keroh.

"Bukan itu saja, malah saya diberi tempat kediaman selama seminggu di Gelanggang Budaya bersama rakan-rakan lain untuk menjalani latihan dengan percuma," jelasnya.

Pesilat Terbaik Kebangsaan menganggap kerjasama semua pihak itu begitu berharga dan akan berusaha mengharumkan nama negara melalui sukan silat dalam kejohanan dunia nanti.

Sementara itu, beliau juga memberitahu bahawa kecederaannya semakin pulih dan dia jangka sembuh sebelum kejohanan itu.

Katanya: "Saya begitu berhati-hati ketika menggunakan kaki kiri itu takut ia berulang lebih teruk lagi."

300 pesilat lawat Melaka 4 NOV 1987

KIRA-KIRA 300 pesilat dari Asia dan Eropah yang menyertai Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur 2 hingga 9 November ini, akan membuat lawatan sehari ke Melaka selepas kejohanan itu.

Setiausaha Majlis Silat Negeri Melaka, Salim Cassim, berkata peserta-peserta silat itu akan dibawa melihat tempat-tempat bersejarah dan pusat kunjungan utama di negeri itu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik dijangka meraikan peserta-peserta silat dari negara Asia dan Eropah itu.

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA

Pesilat Kelantan cuba nasib

-5 NOV 1987

Oleh RAHIME MOHD
YUSOFF *Perancangan / Harian*

KELANTAN menghantar dua pesilat wanita dan seorang lelaki untuk ujian pemilihan di Kuala Lumpur Sabtu ini bagi pemilihan mewakili negara ke Kejohanan Silat Sedunia pada 2-9 Disember ini.

Dua pesilat wanita itu, Wan Azimah Wan Ahmad (Kelas A) dan Tengku Azizah Tengku Ibrahim (Kelas B), manakala Mohd Zain Che Kob bagi Kelas Bebas.

Selain itu, Persatuan Silat Terlak Empat Kelantan turut meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), melonggarkan syarat bagi pemilihan Kelas Bebas bagi membolehkan mereka menghantar seorang peserta negeri itu.

Guru silat persatuan itu, Mohd Noor Mahmud, berkata selain tiga pesilat itu, dua lagi pesilat kelahiran

saan negeri itu secara automatik dipilih mewakili negara.

Dua pesilat kebangsaan itu, Mohd Azam Haji Abas dan Mohd Fauzi Abdul Aziz, adalah pemenang pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta, September lalu.

Katanya, ketiga-tiga pesilat itu sudah bersedia untuk merebut tempat dalam senarai kebangsaan selepas menjalani latihan tiga kali seminggu sejak dua bulan lalu.

Wan Azimah dan Tengku Azizah sudah dua tahun mempelajari seni silat. Mereka begitu bersemangat menjalani latihan terutama di segi teknik dan taktik daripada pesilat kebangsaan, Mohd Azam dan Mohd Fauzi.

Sebelum ini, Tengku Azizah pernah bertanding dalam pemilihan ke Sukan SEA lalu tetapi tewas kepada pesilat kebangsaan, Siti Azahariah Ruslin. Bagaimanapun, ketika itu

dia tidak bersedia lagi.

"Semua pesilat itu sudah menjalani pemeriksaan doktor untuk menghadapi pertandingan pemilihan itu. Kami akan berlepas ke Kuala Lumpur pada Jumaat ini," jelasnya.

Mereka akan menghadapi pencabar terkuat daripada dua pesilat kebangsaan dari Johor iaitu Khatijah Saleh dan kakaknya, Salbiah Salleh. Dua pesilat kebangsaan itu masing-masing memenangi pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta lalu.

Sungguhpun susuk badan dua pesilat kebangsaan itu begitu kecil tetapi di segi pengalaman mereka mempunyai kelebihan untuk mengelakkan kedudukannya.

Bagaimanapun, sebelum ini difahamkan pesilat adik beradik itu pernah mengatakan tidak mahu mewakili negara lagi dalam kejohanan ini atas sebab-sebab peribadi